



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 18 SEPTEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	CETUS PERMUSUHAN, UTAMA, SUARA KEADILAN -10 BELAJAR SECARA PERCUMA DI KOLEJ PERTANIAN MALAYSIA, NASIONAL, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4. 5. 6. 7.	PERKASA EKONOMI INDUSTRI IKAN HIASAN, BISNES, HM -28 MAHU MALYSIA KEMBALI MENJADI PEMBEKAL IKAN HIASAN, NASIONAL, SH -12 IKAN HIASAN JANA PULANGAN RM340 JUTA, DALAM NEGERI, UM -37 RANTAU ABANG JADI TUMPUAN PENCIANTA PENYU, DALAM NEGERI, UM -37 MAKIN BANYAK PENYU MATI KENA KIPAS BOT, ALAT TANGKAP IKAN, NASIONAL, BH -66	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9. 10. 11.	TEKNOLOGI IoT URUS BENDANG, MEGA, UM -19 TEKNOLOGI PERTANIAN TEPAT TINGKAT PENGELUARAN PADI, MEGA AGRO, UM -20 IoT TARIK GOLONGAN MUDA CEBURI BIDANG PERTANIAN, MEGA AGRO, UM -21 PEAT FIRES IN JOHAN SETIA SUSPECTED TO BE CAUSED BY ILLEGAL LAND CLEARING BY FOREIGNERS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A33	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12. 13.	90 KONTENA BAWA HASIL TANI BERNILAI RM3.76 JUTA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -19 MAQIS RAMPAS RM3.76 JUTA HASIL PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -42	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
14. 15.	RIBUT: NELAYAN KUALA TEBENGAU, KUALA KEDAH TERJEAS, DALAM NEGERI, UM -41 NAJIB TAK PANDAI NILAI HARGA TELUR, NEGERI, SUARA KEADILAN -25	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2019	SUARA KEADILAN	UTAMA	10

# Cetus permusuhan

MEMBOIKOT produk keluaran bukan Bumiputera akan membawa permusuhan antara rakyat, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub (**gambar**).



Katanya, walaupun pengguna Islam perlu mencari produk halal namun memboikot produk bukan Bumiputera bukan jalan terbaik.

“Baru-baru ini ada kempen yang cuba dibuat supaya memboikot barangan bukan Islam.

“Saya ingin beritahu pada malam ini, bahawa orang Islam memang perlukan barangan makanan halal, tetapi kita tidak boleh boikot (barangan bukan Bumiputera). Itu tindakan salah... tidak boleh,” katanya dipetik ketika merasmikan Karnival Perayaan Kuih Bulan 2019 anjuran Persatuan Kebudayaan Qi-ong Min Khek Chow Yek Johor Bahru, baru-baru ini.

Salahuddin yang juga ahli Parlimen Pulai berkata, jika pengguna Islam memboikot bukan Islam dan sebaliknya maka ekonomi negara akan musnah.

“Ada orang Cina tanam durian, ada orang Melayu tanam durian. Ada orang India ternak lembu dan kambing.

“Cuba bayangkan kalau kita (orang Melayu) setuju boikot, macam mana kalau kita tanam durian, orang Cina tidak beli, macam mana kalau nelayan kita tangkap ikan tetapi orang India tidak beli,” katanya.

# Belajar secara percuma di Kolej Pertanian Malaysia

ROSHILA MURNI ROSLI

BUKIT KAYU HITAM

**K**olej Pertanian Malaysia (KPM) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menawarkan peluang melanjutkan pelajaran secara percuma melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) bagi Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia.

Pengurus Pusat Bertauliah dan Timbalan Pendaftar KPM, Muhammad Shukri Mat Noor berkata, pihak kolej tidak mengenakan sebarang bayaran bagi kelengkapan latihan, yuran pengajian dan yuran penginapan.

Katanya, pelatih juga diberi elaun bulanan antara RM200 hingga RM300 sebulan selain makan dan minum secara percuma sepanjang mereka mengikuti pengajian di situ.

"Ketika pelatih mendaftar di sini, mereka hanya perlu menyediakan bayaran pendaftaran kira-kira RM330 sahaja yang merangkumi insurans, deposit asrama, buka akaun Agrobank



Muhammad Shukri menunjukan sijil Malaysia Book Of Records (MBOR) yang diperolehi KPM selepas berjaya menanam 4,000 anak pokok Mangga Harumanis secara serentak di KPM pada tahun 2017 yang lalu.

dan baju korporat," katanya, kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, sebagai kolej terbesar di bawah MOA, KPM menawarkan lima bidang pengajian menarik seiring keperluan industri.

Katanya, antara bidang pengajian ialah Tanaman, Ternakan Ruminan, Akuakultur Air Tawar, Pemprosesan Makanan

dan Pemasaran Pertanian.

"Setiap kali pendaftaran pelatih baharu, bidang Tanaman, Ternakan Ruminan dan Pemprosesan Makanan mendapat permintaan tinggi.

"Bagi bidang Ternakan Ruminan walaupun ia sinonim dengan pelatih lelaki tetapi kita tetap menerima kemasukan pelatih perempuan."

"Untuk makluman juga, kesemua latihan berasaskan kompetensi kemahiran yang memfokuskan latihan amali, projek dan simulasi yang turut dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)," katanya.

Muhammad Shukri berkata, tempoh pengajian bagi program sijil adalah antara satu tahun setengah hingga dua tahun bergantung kepada bidang yang dipilih.

"Bagi program diploma adalah selama setahun tiga bulan dan tawaran untuk bidang diploma ini hanya terdapat di KPM dan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sitiawan, Perak sahaja," katanya.

Tambahnya, kelayakan mendaftar di KPM bagi program sijil ialah warganegara Malaysia dan berumur antara 18 hingga 25 tahun.

"Pemohon perlu sihat tubuh badan dan lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.

"Bagi mereka yang layak, permohonan secara atas talian akan dibuka mulai Oktober ini bagi memasuki Januari 2020.

"Pemohon hanya perlu melayari [www.moa.gov.my/blkp](http://www.moa.gov.my/blkp) untuk memohon atau hubungi Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian di talian 03 8870 1702/ 1677/ 1692/1802," katanya.



Muhammad Shukri (kiri) melihat pelatih Tahap 3 Program Pemprosesan Makanan menyediakan kok ketika kelas mereka berlangsung.



Muhammad Shukri (dua dari kanan) melihat pelatih Diploma Ternakan Ruminan Raja Mokhriz Raja Mansor, 22, dan Muhammad Azim Sufi Ahmad Suhaili, 20, memberi suntikan vitamin B12 kepada bebiri di Kompleks Ruminan.



Syaedatul Aqliah Sazleen Fadillah, 21, tidak kekok mengurus halwan ternakan kerana minat yang mendalam dalam bidang penternakan.



Dua pelatih Diploma Ternakan Ruminan menjalankan rutin latihan mereka di Kompleks Ruminan.

60

Syarikat  
penerima  
kerjaLebih  
4000Peluang Pekerjaan  
Mencari Kerja

Karnival  
**KERJAYA**  
MOA  
Dengan Kerjasama  
**JOBSMALAYSIA**  
28-29 September 2019  
MAEPS, Serdang, Selangor



AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- Pendaftaran Penerima Kerja
- Pendaftaran Tersekat
- Klinik Kerjaya
- Khasiat Nisbah Pembangunan
- Proses Pengiraan Pemasaran Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan

Catatan: Maklumat mengenai details  
[www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my) terdapat di laman

• **Karnival Kerjaya**

• 28-29 September 2019 (Sabtu & Ahad)

• **Pameran Agensi Kerajaan**

• **8 Institusi Latihan Kemahiran Pertanian**

• 30 September 2019 (Isnin)

**Dewan C, MAEPS Serdang, Selangor**  
9.00 pagi - 5.00 petang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2019	HARIAN METRO	BISNES	28

## Perkasa ekonomi industri ikan hiasan

**Serdang:** Industri ikan hiasan negara akan diperkasakan termasuk menerusi tumpuan kepada mempromosikan ikan laga liar dalam usaha mengembalikan Malaysia sebagai antara peserta utama dunia.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi berkata, Malaysia pada satu ketika pernah menjadi pengeksport kedua terbesar dunia bagi ikan hiasan selepas Singapura, namun pada 2016, negara hanya berada di kedudukan kelapan dengan Singapura kekal di tempat pertama.

“Berdasarkan keupayaan mengeluarkan 325 juta ikan dan 112 ikat tumbuhan akuatik pada 2017, industri ini telah menjana pulangan sebanyak RM340 juta kepada negara,” katanya pada pelancaran karnival *Wild Bètta Lovers Malaysia* di sini, semalam.

## Mahu Malaysia kembali menjadi pembekal ikan hiasan

**SERDANG** - Industri ikan hiasan negara akan diperkasakan termasuk menerusi tumpuan kepada mempromosikan ikan laga liar sebagai usaha mengembalikan Malaysia sebagai pemain utama dunia.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, Malaysia pada suatu ketika pernah menjadi pengeksport kedua terbesar dunia bagi ikan hiasan selepas Singapura, namun pada 2016 Malaysia hanya berada di kedudukan kelapan dengan Singapura kekal di tempat pertama.

“Berdasarkan keupayaan mengeluarkan sebanyak 325 juta ikan dan 112.ikat tumbuhan akuatik pada 2017, industri ini telah menjana pulangan sebanyak RM340 juta kepada negara,” katanya kepada pembe-



**Munir (tengah) menunjukkan buku Malaysia Wild Beta Standard pada Majlis Perasmian Karnival Wild Beta Lovers Malaysia di Laman Perikanan MAEPS semalam.**

rita selepas melancarkan Karnival Wild Beta Lovers Malaysia di Laman Perikanan MAEPS di sini semalam.

Beliau berkata, terdapat 548 pengusaha dan 1,433 pekerja yang terlibat dalam industri ikan hiasan negara pada masa ini. - *Bernama*

18/9/2019

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

S7

# Ikan hiasan jana pulangan RM340 juta

**PUTRAJAYA 17 Sept.** - Sektor ikan hiasan merupakan industri penting negara kerana berjaya mengeluarkan 325 juta ikan dan 112 tumbuhan akuatik pada 2017.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd. Nawi berkata, perkara itu juga sekali gus menjana pulangan bernilai RM340 juta kepada pendapatan negara.

Beliau berkata, malah terdapat 548 pengusaha dan 1,433 pekerja terlibat dalam industri

berkenaan.

"Pada satu ketika dahulu, Malaysia pernah menjadi pengeksport kedua terbesar ikan hiasan di dunia selepas Singapura.

"Namun pada 2016, Malaysia hanya menduduki tempat ke-lapan negara pengeksport ikan hiasan dunia dan Singapura pula di tempat pertama," katanya dalam Majlis Pelancaran Karnival Wild Betta Lovers Malaysia (Ikan Laga) di sini hari ini.

Pada masa sama, Munir berkata, pelbagai usaha dan program dilaksanakan pihak kerajaan serta swasta untuk meningkatkan industri ikan hiasan di negara ini.

Katanya, soal itu termasuk meningkatkan jumlah eksport ikan Wild Betta ke luar negara sejajar usaha bagi menambah pendapatan pengusaha industri berkenaan.

"Oleh demikian, saya menca-

angkan kepada Persatuan Wild Betta Lovers untuk mengadakan Wild Betta Village agar kesemua ikan laga spesies Malaysia dapat dipamerkan untuk tontonan dan kajian orang ramai.

"Dengan mempopularkan ikan laga liar Malaysia, ia akan dapat menaikkan taraf profesionalisme pemain industri ini, sekali gus mampu menarik peminat tempatan dan juga luar negara," katanya.

# Rantau Abang jadi tumpuan pencinta penyu

**DUNGUN 17 Sept.** - Rantau Abang di sini yang sinonim dengan penyu dan sekian lama sepi, kini kembali menjadi tumpuan kira-kira 2,500 orang bagi menyaksikan pelepasan 1,922 ekor anak penyu di pantai itu petang semalam.

Kesemua anak penyu yang dilepaskan itu baharu sahaja

24 jam menetas melibatkan 10 sarang di lokasi Pusat Santuari Rantau Abang di sini.

Majlis pelepasan disempurnakan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Rantau Abang, Alias Harun.

Alias berkata, pihaknya bangga apabila Jabatan Perikanan Malaysia memilih Kampung Rantau Abang sebagai tempat pelepasan anak penyu agar dan usaha itu diharapkan mengembalikan populasi Rantau Abang sebagai lokasi pendaratan penyu.

"Kerajaan menyokong usaha ini kerana ia mampu beri suatu pulangan dari sudut pelancongan.

"Pernah suatu ketika dahulu, pendaratan penyu di Kampung Rantau Abang mencecah sehingga 120 ekor satu malam," katanya kepada pemberita selepas majlis pelepasan itu.

## Makin banyak penyu mati kena kipas bot, alat tangkap ikan

**Dungun:** Sebanyak 67 penyu ditemui mati di seluruh Terengganu dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, iaitu meningkat berbanding 55 penyu mati bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Zawawi Ali, berkata kematian penyu terbabit dikenal pasti akibat terkena kipas bot dan alat menangkap ikan termasuk perkara lain.

"Sepanjang tahun lalu, kira-kira 300,000 anak penyu dilepaskan di perairan Terengganu," katanya pada Program Melepaskan 2,000 anak penyu Anjuran Majlis Perbandaran Dungun (MPD) di Pantai Rantau Abang, di sini.

Program terbabit dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rantau Abang, Alias Harun.

Yang turut hadir, ADUN Sura, Wan Hapandi Wan Nik dan Yang Dipertua MPD, Lizan Che Mat.


Zawawi berkata, dalam tempoh itu, sebanyak sembilan penyu sakit berjaya diselamatkan.

"Pada tahun lalu, kita berjaya menyelamatkan 18 penyu sakit dan kebanyakan penyu itu cedera terkena pukut nelayan, kipas bot dan tertelan plastik.

"Semua penyu itu dirawat di Pusat Konservasi Penerangan Penyu FRI, Rantau Abang sebelum dilepaskan semula ke laut," katanya.

Sementara itu, Zawawi berkata, sepanjang tahun lalu, 3,815 penyu bertelur di negeri ini dengan mengeluarkan 324,322 telur dan menetasakan 254,237 anak.

"Sepanjang tahun lalu juga, 180 tuntung laut mendarat dengan mengeluarkan 1,864 telur yang dieram dan melahirkan 951 anak," katanya.

 **Pada tahun lalu, kita berjaya menyelamatkan 18 penyu sakit dan kebanyakan penyu itu cedera terkena pukut nelayan, kipas bot dan tertelan plastik.**

**Zawawi Ali,**  
Pengarah Jabatan  
Perikanan Terengganu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA SAINS	19

RABU • 18.09.2019

UTUSAN MALAYSIA

# Mega

sains f mega utusan malaysia

## Teknologi IoT urus bendang

**S**ESUAI dengan kedudukannya sebagai agensi penyelidikan pertanian tempatan paling unggul, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) tampil dengan kaedah paling canggih dalam penanaman padi iaitu menggunakan Internet Kebendaan (IoT).

Penggunaan teknologi canggih ini memberi harapan baharu kepada pesawah yang sering dikaitkan dengan kemiskinan.

Dengan tiga komponen penting, teknologi ini membawa golongan tersebut supaya bersedia menghadapi perubahan iaitu beranjak kepada kaedah yang lebih moden dan berskala besar.

**>> Lihat muka 20.**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA SAINS	20



**PAPARAN** Integrasi FmX yang digunakan dalam proses penyediaan tanah dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan masa.



**ALAT** pengawal penabur kadar boleh ubah membolehkan penaburan baja dan benih mengikut keperluan.



# Teknologi pertanian tepat tingkat pengeluaran padi

**K**E kiri teknologi, ke kanan teknologi. Ke depan dan belakang juga teknologi digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang. Tidak ketinggalan dalam bidang pertanian, penggunaan teknologi tinggi sudah mula diaplikasikan bagi membawa perubahan termasuk memanfaatkan Internet Kebendaan atau *Internet of Things* (IoT) yang kini rancak diperkatakan. Tidak terkecuali idea untuk merubah landskap pertanian padi dicetuskan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**  
aqilah.mks@gmail.com



dalam usaha mengembang dan meningkatkan lagi industri padi. Dengan IoT bendang dapat diurus secara moden sekali gus membolehkan pengeluaran beras dipertingkatkan. Ketika ini tahap sara diri (SSL) iaitu kadar pengeluaran dalam negara padi adalah 72 peratus. Siapa sangka menerusi penyelidikan tersebut MARDI berjaya meningkatkan hasil tuai golongan pesawah sekali gus membantu meningkatkan pendapatan mereka.

**MARDI** yang mempelopori teknologi pertanian tepat memanfaatkan sepenuhnya IoT yang didapati amat membantu menguruskan operasi ladang serta meningkatkan pengeluaran dan pada masa sama mengurangkan kos, tenaga kerja dan menjimatkan masa. Usaha MARDI yang merupakan agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi penyelidikan berterusan berjaya membangunkan tiga teknologi yang melibatkan aktiviti penyediaan tanah, penaburan biji benih serta penaburan baja. Tiga teknologi yang dibangunkan adalah sistem



**PEGAWAI** Penyelidik, Dr. Arina Mohd. Noh melakukan demonstrasi Perangkap Cahaya Modular untuk menarik serangga di sawah padi.



**PENGUNAAN** teknologi IoT mula dimanfaatkan oleh MARDI dalam mengurus sawah padi.



## INFO

KELEBIHAN  
PAKEJ  
TEKNOLOGI  
PERTANIAN  
TEPAT

- Perataan tanah yang berkesan dan penaburan benih menggunakan mesin secara kadar boleh ubah (VRT) bagi memastikan penapakkan pokok padi yang baik dan seragam.
- Penjimatan penggunaan baja sebanyak 15-25 peratus per hektar melalui penggunaan sistem pembajaan secara VRT.
- Pengurangan tenaga buruh sehingga 50 peratus bagi aktiviti penaburan benih dan pembajaan melalui teknologi VRT.

penentuan indeks perataan tanah secara automatik, sistem taburan benih secara kadar boleh ubah dan sistem pembajaan kadar boleh ubah.

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan dan Kejuruteraan MARDI, Dr. Badril Abu Bakar berkata konsep pertanian tepat akan menyatakan satu input pada keadaan, tempat dan waktu yang betul.

DR. BADRIL  
ABU BAKAR

Tidak seperti kaedah konvensional, pesawah akan menabur baja tanpa sukatan yang betul tetapi dengan teknologi ini mereka akan melihat pada status nutrien di dalam pokok, tanah, cuaca persekitaran, keadaan air dan sebagainya bagi memastikan taburan baja, benih atau racun mengikut keperluan.

"Pertanian tepat membolehkan kita memberi input seperti baja dan benih pada kadar, tempat dan masa yang betul.

"Contohnya, data ketinggian tanah pada sesuatu tempat boleh membantu kita untuk menghasilkan peta rawatan penaburan benih," katanya.

Tambah Badril, cara lama adalah dengan menarik tanah supaya permukaannya rata.

Namun, kaedah tersebut mustahil untuk mendapatkan hasil seperti yang diinginkan. Jika pesawah meletakkan benih di kawasan tanah yang rendah kebarangkalian untuk bercambah akan kurang.

Penggunaan IoT berjaya mengatasinya menerusi penghasilan peta rawatan pembajaan secara kadar boleh ubah mengikut peta rawatan dan Sistem Amaran Awal (EWS) untuk mengesan sekali gus membantu pesawah mengawal serangan perosak dan penyakit.



ANTARA varieti padi yang dihasilkan MARDI.



SEORANG kakitangan MARDI menunjukkan serangga benih perang sebelum dimasukkan ke dalam kotak hitam bagi tujuan pengiraan jumlah saiz dan jantina.

IoT tarik golongan muda  
ceburi bidang pertanian

**A**NJAKAN paradigma dalam pertanian kembali menarik golongan muda untuk menceburi bidang berkenaan lebih-lebih lagi dengan penggunaan teknologi terkini.

Tidak ketinggalan bidang yang dahulunya dipelopori oleh orang kampung kini semakin mendapat tempat di hati belia yang cerdik teknologi maklumat (IT).

Dr. Badril Abu Bakar berkata, pada masa ini golongan petani masih terdiri daripada generasi kedua dan ketiga.

Kini, orang muda mula melibatkan diri dalam bidang pertanian ekoran manfaat yang besar pada masa akan datang.



SISTEM Amaran Awal (EWS) digunakan berjaya menghalang serangan wabak benih perang di sawah.

"Belia lebih cerdik IT dan mereka berminat untuk belajar sesuatu yang baharu. Bila diberitahu

mereka boleh terlibat dalam bidang pertanian dengan hanya memantau di pejabat dan tidak lagi perlu turun ke bendang, mereka jadi minat," kata Badri ketika mendedahkan penglibatan belia dalam sektor pertanian.

Tambahnya lagi, menerusi perkembangan bidang teknologi, kini orang bandar juga boleh menjadi petani.

"Ini kerana kerja-kerja pertanian bukan lagi dilakukan menggunakan tenaga pekerja yang menyebabkan mereka perlu berpanas atau berhujan, sebaliknya 90 peratus pekerjaan diambil alih oleh teknologi," jelasnya.

■ Sambungan tsnin depan: Teknologi baja lebih efektif



MESIN mengira saiz dan jantina serangga perosak padi.

Headline	Peat fires in Johan Setia suspected to be caused by illegal land clearing by foreigners		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	18 Sep 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A33	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	219 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,561
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,682



## 佐汉斯迪亚烧芭 疑外来者非法开垦

佐汉斯迪亚或有外来者非法开垦农业地进行烧芭，加剧当地烟霾情况。

-按察照-

莎阿南17日讯 | 巴生市议员梅格表示，他并不排除佐汉斯迪亚区有外来者非法开垦农业地进行烧芭，以致该区空气污染指数恶化。

梅格指出，经他与双溪坎迪斯州议员服务中心代表和佐汉斯迪亚村委了解之后，得知露天焚烧活动并非当地农民所为。

这是因为他们（农民）经农业发展研究院（MARDI）与

农业局提供援助津贴获得足够的协助与指导，况且当局有他们农业活动的相关记录。」

他提到，涉及非法活动者不排除是擅闯私人地的外来者，包括那些并没向农业单位登记的农业地。

巴生市议会主席拿督莫哈末雅希也表示，为防范露天焚烧活动早前已派人全天候监督当地与英达岛情况，并会在接到投报后随时采取行动。

## 90 kontena bawa hasil tani bernilai RM3.76 juta dirampas

**BUTTERWORTH** - Sebanyak 90 kontena yang membawa pelbagai hasil pertanian dirampas kerana tidak mematuhi syarat import di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) semalam.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, antara hasil pertanian tersebut adalah kubis bulat, bawang, ubi kentang, brokoli, lobak, halia, kacang tanah, biji kopi dan sebagainya.

Menurutnya, kesemua hasil pertanian itu dianggarkan seberat 2,193 metrik tan bernilai RM3.76 juta.

"Maqis Pulau Pinang berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk ke luaran pertanian dari pelba-



Bawang antara keluaran pertanian yang dirampas Maqis Pulau Pinang di Pengkalan Kontena Butterworth Utara semalam.

gai negara tanpa mematuhi syarat import iaitu ketidakpatuhan Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan).

"Kita telah keluarkan kompaun lebih RM353,000 kepada pengimport setelah mendapat kebenaran Timbalan Pendakwa Raya.

"Pengimport juga diingatkan supaya mematuhi syarat pengimportan," katanya menerusi kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, pengimport tersebut didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin

**Rampasan hasil pertanian**

- 90 kontena
- **Langgar syarat import 3P**
- Jumlah kompaun **lebih RM353,000**

dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728], mengikut Seksyen 15(2) akta sama.

"Pengimport boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis Pulau Pinang akan sentiasa melakukan pemeriksaan di pintu masuk bagi setiap keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	42

# Maqis rampas RM3.76 juta hasil pertanian

**BUTTERWORTH 17 Sept.** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk hasil pertanian dari pelbagai negara tanpa syarat import sah di Pengkalan Kontena Buterworth Utara (NBCT) di sini.

Dalam pemeriksaan sembilan malam itu, Maqis negeri menahan 90 kontena yang membawa

sayur segar seperti kobis bulat, bawang, ubi kentang, brokoli, lobak, halia, kacang tanah dan biji kopi yang dianggarkan seberat 2,193 tan metrik.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, kesemua hasil pertanian bernilai RM3.76 juta itu dibawa masuk tanpa mematuhi sijil perakuan penggredan, pembungkusan dan pelabelan (3P).

"Sehubungan itu, kita me-

ngeluarkan kompaun lebih RM353,000 setelah mendapat kebenaran Timbalan Pendakwa Raya serta memberi peringatan kepada pengimport berkenaan supaya mematuhi syarat pengimportan yang ditetapkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya, perbuatan mengimport hasil pertanian tanpa mematuhi syarat import sebagaimana yang dinyatakan di dalam

permit, lesen dan perakuan yang sah adalah kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta728).

Katanya, kesalahan itu boleh dihiduk di bawah Seksyen 15(2) akta sama yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis negeri sentiasa melakukan pemeriksaan di pintu masuk bagi hasil pertanian yang diimport supaya syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan negara terpelihara," katanya.

# Ribut: Nelayan Kuala Tebengau, Kuala Kedah terjejas

**ALOR SETAR 17 Sept.** - Nelayan pantai sekitar Kuala Tebengau dan Kuala Kedah di sini mula merasai kesan cuaca tidak menentu yang melanda perairan negeri ini sejak sebulan lalu yang menyebabkan hasil tangkapan mereka terjejas.

Seorang nelayan, **Razali Yusof**, 60, mendakwa, hasil tangkapan berkurangan sehingga 70 peratus sejak seminggu lalu berbanding sebelum ini apabila keadaan ribut dan laut bergelora menyebabkan ikan sukar ditangkap.

"Bulan ini sahaja, baru lima kali saya dapat turun ke laut menangkap ikan, itu pun dapat empat kilogram ikan campur-campur ada gelama, belanak, ikan belulang dan sedikit senangin walaupun keluar awal pagi dan pulang ke jeti waktu petang.

"Untuk mengelak rugi, saya jual sendiri ikan ini dengan harga antara RM4 hingga RM10 sekilogram (kg) bagi menampung duit minyak bot dan untungnya dibahagikan dengan anak yang teman saya ke laut," katanya ketika ditemui pemberita di Kuala Tebengau di sini hari ini.

Katanya, keadaan cuaca itu menyebabkan ada nelayan di sekitar kawasan berkenaan memilih untuk tidak turun ke laut bagi mengelakkan kerugian dan menghabiskan masa melakukan kerja-kerja sampingan lain untuk menyara kehidupan.

Bagi **Muhammad Syafiq Sobri**, 23, pula berkata, sebelum ini dia mampu memper-



**RAZALI YUSOF** menunjukkan hasil tangkapan yang sedikit akibat kejadian ribut dan laut bergelora sejak sebulan lalu di pelantar nelayan Kuala Tebengau, Alor Setar, Kedah, semalam. - BERNAMA

oleh hasil tangkapan sehingga 100kg setiap kali turun ke laut, padanya oleh nelayan. - BERNAMA

namun kini hanya mampu membawa pulang antara dua hingga tiga kg ikan sahaja.

"Ribut menyebabkan laut bergelora dan ikan pun sangat kurang di laut, inilah masalah kami setiap tahun bila tiba bulan ini sehingga Oktober," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga ikan di Tebengau, **Saidi Ishak**, 40, berkata, pada masa ini, dia hanya mampu menjual antara 20 hingga 30kg ikan sahaja sehari berbanding 60kg sebelum ini.

Katanya, dia juga pernah tidak berniaga selama seminggu kerana tiada ikan yang dihantar ke-

## Najib tak pandai nilai harga telur

JABATAN Perkhidmatan Veterinar menyifatkan perbandingan yang dibuat oleh bekas perdana menteri Najib Razak mengenai harga telur sebagai tidak berasas.

Najib menerusi hantaran di Facebooknya pada 16 September membandingkan harga telur ayam gred AAA, gred C dan Gred E sekarang dengan harga pada April 2018.

Menurut Najib, harga telur sekarang masih 40 sen untuk gred AAA, 37 sen untuk gred C dan Gred E 32 sen yang didakwa lebih tinggi sebanyak 48 hingga 52 peratus.

Dakwanya, sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu harga telur di ladang bagi gred AAA adalah serendah 27 sen, gred C berharga 24 sen dan gred E berharga 21 sen.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagaimanapun berkata harga telur di peringkat ladang sentiasa berubah-ubah bergantung kepada kos makanan ayam, gaji pekerja, kos ubat dan lain-lain.

"Bagaimanapun kos ini boleh dan akan berubah jika ada kejadian penyakit dan bencana

lain seperti kemarau, jerebu dan banjir.

"Ini bermakna harga boleh turun dan naik bergantung pada keadaan dan masa. Contohnya 70 peratus kos operasi bergantung kepada makanan ayam.

"Makanan ayam diimport dan harganya bergantung pada kadar tukaran wang yang turun dan naik," kenyataan jabatan itu dipetik.

Jabatan itu menjelaskan harga telur bagi tahun ini adalah lebih murah berbanding awal 2015.

"Apa yang berlaku pada 2015? Mengapa harga telur lebih mahal?

"Penggunaan maklumat serta data dan membuat perbandingan tidak berasas akan mengelirukan pihak umum dan perkara ini harus dielakkan," katanya.

"Jabatan melalui Kementerian (Pertanian dan Industri Asas Tani) akan terus berusaha untuk memastikan penghasilan telur ayam yang cukup untuk rakyat Malaysia dengan harga yang kompetitif," katanya.

